

# Atlet negara perlu tunjuk prestasi tertinggi di Doha

Oleh HELMI MOHD. FOAD

UM - 9/11/2006

**PUTRAJAYA** 8 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan para atlet negara yang menyertai Sukan Asia Ke-15 di Doha memusatkan tumpuan dan kesungguhan mereka bagi mencetuskan prestasi tertinggi pada temasya sukan itu.

Perdana Menteri berkata, atlet-atlet negara perlu memberi fokus kepada sesi latihan dan sentiasa berdisiplin serta mematuhi nasihat jurulatih serta menjadikan kejayaan sebagai satu matlamat.

Menurutnya, hanya mereka yang sedia berusaha bersungguh-sungguh akan mendapat kejayaan.

Abdullah menyampaikan amanat itu semasa menyerahkan Jalur Gemilang kepada kontinjen negara ke sukan tersebut di Dataran Perdana di sini hari ini.

“Ingatlah saudara saudari membawa harapan bangsa dan negara untuk mencapai kejayaan yang besar di Sukan Asia nanti.

“Untuk itu, anda mesti menjadikan harapan rakyat dan negara sebagai misi dan tanggungjawab untuk bersungguh-sungguh menunjukkan prestasi yang tinggi,” katanya.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri menyerahkan Jalur Gemilang kepada Ketua Kontinjen Malaysia, Datuk Abdullah Sani Karim sambil disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

Sebelum itu, Azalina menyerahkan kepada Perdana Menteri jersi kontinjen negara dan menghadiahkan seekor anak harimau Malaya berusia kira-kira lima bulan bernama Diva.

Perdana Menteri berkata, kemenangan kontinjen negara pada temasya tersebut bukan hanya akan menjadi kebanggaan para atlet malah ia merupakan kemegahan bagi negara.

“Dengan kemenangan itu saudara nanti akan menjadi hero bangsa dan negara,” katanya.

Abdullah berkata, para atlet negara tetap akan menghadapi saingan daripada peserta negara lain tetapi sekiranya mereka bersungguh-sungguh, beliau percaya Malaysia boleh mencapai kejayaan sebagai-

**Anda mesti menjadikan harapan rakyat dan negara sebagai misi dan tanggungjawab untuk bersungguh-sungguh menunjukkan prestasi yang tinggi**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

mana yang diharapkan.

“Semuanya terpulang kepada anda (atlet), jurulatih hanya boleh memberikan nasihat (tetapi) yang hendak berlari, menendang bola dan melontar adalah saudara dan saudari sendiri.

“Sejurus anda berada di medan, andalah yang membuat penentuan sama ada anda

akan mencuba yang terbaik bagi meraih kemenangan... di mana ada kemahuan di situ banyak jalannya,” katanya.

Katanya, para atlet negara juga mempunyai harapan menjadi wira bangsa melalui bidang sukan kerana wira negara tidak semestinya untuk mereka yang terlibat dalam bidang ketenteraan atau politik.

“Saudara saudari memikul harapan tinggi untuk mempamerkan yang terbaik, saya yakin anda adalah yang terbaik jika saudara menentukan bahawa anda mampu mencapai kemenangan.

“Itulah pesanan Pak Lah dan harapan kami semua anggota Kabinet dan negara,” tambah beliau.